Persatuan Pengguna Pulau Pinang
Consumers Association of Penang
槟城消费人协会 பினாங்கு பயனீட்டாளர் சங்கம்

10 Jalan Masjid Negeri, 11600 Pulau Pinang, Malaysia
Tel: 604-8299511 Fax: 604-8298109
email: consumerofpenang@gmail.com

Website: (English, BM, Chinese & Tamil)
https://consumer.org.my

facebook.com/ConsumerAssociationPenang
twitter.com/consumer_penang
instagram.com/consumer_penang

Surat Kepada Pengarang **11 Oktober 2026**

Lindungi Burung Hijrah dan Habitatnya

Sekali lagi, Persatuan Pengguna-Pengguna Pulau Pinang (CAP) ingin menarik perhatian terhadap Hari Burung Hijrah Sedunia yang disambut pada hari Sabtu kedua Mei dan Oktober setiap tahun. Pada tahun ini sambutannya jatuh pada 9 Mei dan 10 Oktober. Tema pada tahun ini ialah, 'Setiap Burung Penting – Pemerhatian Anda Bermakna,' mengiktiraf usaha orang ramai dalam memulihara burung hijrah, serta memantau dan meningkatkan kesedaran mengenai cabaran yang dihadapi oleh burung hijrah ini.

Burung hijrah menempuh perjalanan jarak jauh, menghubungkan ekosistem dan manusia sepanjang perjalanannya. Memandangkan burung hijrah memainkan peranan penting dalam menghubungkan ekosistem di seluruh dunia, usaha pemuliharaannya amat penting bagi spesies lain dan juga manusia. Oleh itu, pemantauan dan pemuliharaan burung-burung ini adalah penting bagi menjamin kelestarian dan menggalakkan kewujudan bersama.

Walau bagaimanapun, burung hijrah ini sedang menghadapi ancaman serius yang berpunca terutamanya daripada pelbagai sebab, seperti kemerosotan dan kehilangan habitat semula jadi akibat penebangan hutan, pembangunan bandar, dan perluasan pertanian yang memecahbelahkan persekitaran yang diperlukan oleh burung untuk membiak, mencari makanan, dan berehat sepanjang laluan penghijrahan. Akibatnya, burung-burung ini semakin sukar mencari lokasi sarang yang sesuai dan sumber makanan yang mencukupi disebabkan oleh kekurangan sumber-sumber penting yang semakin meruncing.

Selain kehilangan habitat, burung hijrah ini juga amat terdedah kepada risiko perlanggaran dengan struktur binaan manusia seperti bangunan tinggi, turbin angin, dan talian kuasa. Semasa penghijrahan, apabila burung melintasi kawasan yang tidak dikenali, halangan-halangan ini menjadi sangat berbahaya kerana permukaan tingkap memantulkan imej pokok, semak-samun, dan langit di sekeliling, sekali gus mewujudkan ilusi ruang terbuka yang selamat atau tempat hinggap yang sesuai. Burung yang terbang ini terus merempuh halangan ini yang boleh menyebabkan kecederaan parah atau trauma. Di kawasan bandar, pencahayaan buatan boleh mengelirukan lagi spesies

burung hijrah yang bergerak pada waktu malam, seterusnya meningkatkan risiko perlanggaran yang membawa maut.

Pencemaran dan cahaya buatan turut menjejaskan tapak sarang serta laluan penghijrahan burung-burung ini, sekali gus menambahkan lagi senarai punca kepupusan burung dengan pantas. Spesies invasif seperti rumpai serta pelepasan spesies asing ke dalam persekitaran turut bersaing dengan spesies tempatan untuk mendapatkan makanan dan ruang bersarang, yang menjejaskan kelangsungan hidup banyak spesies burung.

Satu lagi ancaman yang dihadapi oleh burung hijrah ialah perubahan iklim. Perubahan iklim telah menjejaskan bekalan makanan, mengganggu corak penghijrahan, dan menyukarkan burung untuk menentukan masa terbaik bagi tujuan pembiakan atau membuat sarang. Selain itu, penangkapan ikan secara berlebihan bagi spesies komersial telah mengurangkan bekalan makanan untuk burung laut dan burung lain yang bergantung pada sumber akuatik. Akibatnya, burung hijrah terutamanya burung laut mungkin mengalami tempoh kekurangan makanan yang panjang semasa penghijrahan atau sebaik sahaja tiba di kawasan pembiakannya.

Kertas penyelidikan utama oleh Bauer, S. & Hoye, B. J. (2014) yang bertajuk *Migratory animals couple biodiversity and ecosystem functioning worldwide* menjelaskan bahawa haiwan hijrah menghubungkan ekosistem yang berjauhan melalui pergerakan merentasi sempadan negara dan benua. Haiwan-haiwan ini boleh memberi kesan global terhadap proses alam sekitar dan kesejahteraan manusia dengan memindahkan nutrien, biji benih, dan spesies lain, mengubah jaringan makanan, serta berpotensi membawa patogen merentasi kawasan geografi yang luas. Memandangkan burung merupakan petunjuk penting bagi kesihatan alam sekitar, pemantauan terhadap populasi burung memberikan gambaran berharga mengenai keadaan keseluruhan ekosistem.

Sebagai tindak balas terhadap cabaran yang semakin meningkat ini, tema tahun ini menjadi satu seruan tindakan yang berkesan. CAP menekankan kepentingan penyertaan orang ramai dalam membina pengetahuan yang diperlukan untuk melindungi burung hijrah. Hal ini membolehkan individu menyumbangkan pemerhatian berharga mengenai penampakan, tingkah laku, dan habitat burung, yang seterusnya akan menyumbang kepada penyelidikan, strategi pemuliharaan yang berasaskan maklumat tepat, serta membantu dalam keputusan dasar. Melalui tanggungjawab bersama dan usaha kolaboratif, kita boleh memainkan peranan dalam memastikan kelangsungan perjalanan burung hijrah demi generasi akan datang.

Mohideen Abdul Kader
Presiden
Persatuan Pengguna-Pengguna Pulau Pinang (CAP)